ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"Dan sesiapa mencari agama selain agama Islam maka sekali-kali tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-'Imran, ayat 85

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.07 | DUHA 6.31 | ZUHUR 12.19 | ASAR 3.44 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.45 | Daerah Belait ditambah 3 minit Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 66 | 2 JUN 2025 / 1446 5 ذوالحجة | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# KEBAWAH DYMM BERSEMAYAM DI HOTEL GRAND HYATT



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersemayam semula di Hotel Grand Hyatt, Kuala Lumpur. Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi *(Lihat muka 2 hingga 3)***

# Tahap profesionalisme tentera hendaklah terus dipertingkat

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**MUARA,** Sabtu, 31 Mei. - Dalam usianya yang sudah semakin matang, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah banyak menunjukkan perkembangan yang amat ketara.

Sebagai sebuah institusi pertahanan, keupayaan ketenteraan yang moden adalah penting, namun apa yang lebih kritikal adalah mempunyai kapasiti sumber tenaga manusia yang berkelayakan dan kompeten melalui peningkatan pembelajaran akademik dan latihan bagi membolehkan pengemaskinian dasar dan doktrin selaras dengan keperluan pertahanan negara dan keadaan semasa.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan bersabda demikian pada Upacara Perbarisan Raksasa sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB (HUT ABDB) Ke-64 berlangsung di Padang Kawad Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), di Pangkalan Laut Muara, hari ini.

Sejak tahun 2022, sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, kekuatan ABDB telah meningkat sebanyak 11 peratus, iaitu penambahan seramai 1,130 anggota.

>> Muka 4

# Ke arah kesaksamaan, keprihatinan terhadap keperluan masyarakat

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 1 Jun. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan pada hari ini, genaplah 25 tahun dasar desentralisasi Perkhidmatan Kesihatan Asasi di Negara Brunei Darussalam (NBD) dilaksanakan yang merupakan satu titik tolak dalam sejarah kemajuan dan perkembangan perkhidmatan awam khususnya Kementerian Kesihatan yang telah memacu perubahan besar dalam sistem kesihatan di negara ini.

>> Muka 12

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



MOHON keampunan, keberkatan pada hari Arafah

Muka 11



9 anak damit lahir pada Hari Ulang Tahun ABDB

Muka 13



RENCANA

PAMERKAN kreativiti, inovasi belia

Muka 19




RENCANA

DEDAHKAN strategi manipulatif industri tembakau

Muka 20

# Kebawah DYMM bersemayam di Hotel Grand Hyatt



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berehat beberapa hari di Hotel Grand Hyatt atas nasihat pakar perubatan. Juga berangkat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan ahli-ahli kerabat diraja (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



**KUALA LUMPUR**, Sabtu, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, bersemayam semula di Hotel Grand Hyatt setelah berehat beberapa hari di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.

>> Muka 3

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | ISNIN | 5 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 |
| 3 | SELASA | 6 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.19 | 3.45 | 6.30 | 7.45 |
| 4 | RABU | 7 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.30 | 7.46 |
| 5 | KHAMIS | 8 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 |
| 6 | JUMAAT | 9 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 |
| 7 | SABTU | 10 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 8 | AHAD | 11 | 4.33 | 4.43 | 6.07 | 6.31 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 26 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |
| Pekan Bangar | 33 26 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |
| Pekan Tutong | 33 26 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |
| Kuala Belait | 33 26 °C | 33 26 °C | 33 26 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

2 JUN 2025

# ABDB : Mempertahankan, menanai kedaulatan negara

**ALHAMDULILLAH** dan tahniah kita ucapkan kepada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang telah menyambut Hari Ulang Tahun Ke-64. ABDB telah melalui pelbagai pengalaman dan perkembangan yang memberangsangkan sejak penubuhannya pada tahun 1961. Setentunya sepanjang 64 tahun itu, ABDB telah melalui pelbagai pencapaian, perubahan, pembaharuan serta peningkatan dalam perkhidmatan semata-mata untuk menanai kedaulatan serta mempertahankan keselamatan negara ini daripada sebarang anasir yang boleh mengganggu-gugat keamanan negara yang kita nikmati selama ini. Syabas kita ucapkan kepada mereka yang telah bersedia menyumbang tenaga dan khidmat bakti untuk negara kita.

Keamanan itu sangat penting dan berharga bagi sesebuah negara. Tugas tentera dan mempertahankan negara adalah amat mulia dan ia bukanlah satu tugas yang mudah akan tetapi banyak risiko dan berat tanggungjawabnya. ABDB akan terus siap siaga bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan bumi Darussalam ini sentiasa terjaga dan terpelihara. Setiap anggota tentera adalah elemen yang penting dalam pertahanan negara dan pengorbanan mereka merupakan satu tugas mulia dalam mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.

Kesetiaan kepada raja dengan mempertahankan kedaulatan negara bukanlah satu tugas mudah lebih-lebih lagi ketika dunia menghadapi kemajuan teknologi semasa. Seiring dengan pembangunan teknologi semasa tidak dinafikan akan menjadi cabaran terbesar dalam memberikan perkhidmatan terbaik untuk keselamatan negara kita.

Pembangunan Sumber Manusia juga merupakan aset terpenting dalam membentuk corak kepimpinan. Ini dapat dilihat dengan Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) yang melahirkan anggota dan pegawai tentera yang berkaliber, berkemahiran dan berpendidikan bagi menghadapi sebarang cabaran. Dengan nilai-nilai asas ketenteraan seperti disiplin, pengorbanan dan kesetiaan yang menjadi prinsip asas dalam sistem penilaian mana-mana angkatan tentera akan dapat membantu mengukuhkan budaya kerja berpasukan, disiplin dan usaha sama yang penting dalam mencapai kejayaan dalam mana-mana operasi ketenteraan.

Anggota tentera kita mampu mempertahankan kedaulatan negara serta menjadi sebuah angkatan tentera yang disegani dan dihormati di persada antarabangsa. Inilah yang membentuk kebanggaan dan motivasi untuk berkhidmat bagi negara kita secara terhormat buat tentera. Penglibatan ABDB setakat ini telah mengharumkan dan membawa nama negara ke mata dunia melalui penyertaan-penyertaan konsisten di misi-misi pengamanan dan misi bantuan kemanusiaan dan bencana seperti UNIFIL, MALBATT dan juga IDB VMAT, IMT. Tahniah diucapkan kepada ABDB kerana penglibatan ini menunjukkan komitmen padu negara kita dalam memastikan keamanan serantau dan juga antarabangsa.

Akhirnya sekalung penghargaan dan sanjungan terhadap jasa, khidmat dan bakti tentera ABDB dalam melindungi kedaulatan dan keselamatan negara. **- Ketua Penyuntingan (Ri)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah daripada paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas dan kanan).**

>> Muka 2

Pakar perubatan telah menasihatkan bagi baginda meneruskan berehat beberapa hari lagi sebelum berangkat balik ke Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam dan ahli-ahli kerabat diraja.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra bersama paduka-paduka anakanda (kanan dan bawah).**



**JUGA turut berangkat bersama baginda selepas baginda berehat beberapa hari di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur ialah ahli-ahli kerabat diraja yang lain. (bawah)**



# TAHAP PROFESIONALISME TENTERA HENDAKLAH TERUS DIPERTINGKAT

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

>> Muka 1

"Ini antara lain adalah hasil daripada pengemaskinian dasar pengambilan dan pengekalan anggota melalui pertambahan kapasiti latihan asas ketenteraan rekrut daripada 540 ke 960 anggota dan kapasiti maksima 100 Pegawai Kadet setiap tahun.

"Di samping itu, pengemaskinian Dasar Struktur Perkembangan Kerjaya (SPK) yang antara lain mengekalkan perkhidmatan melalui ikat janji bagi anggota-anggota yang dinaikkan pangkat dan menghadiri kursus-kursus tertentu sebagai langkah rancangan pelapis (*succession planning*) anggota yang mampan.

"Ini dapat dilihat melalui statistik tiga tahun kebelakangan, dalam mana seramai 119 anggota telah melanjutkan perkhidmatan selepas 26 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 13 peratus berbanding pada tahun 2022," sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota.

Dalam sabda, Duli Yang Teramat Mulia juga gembira dengan usaha ABDB untuk meningkatkan kapasiti sumber tenaga manusianya, antaranya memaksimumkan pengendalian kursus dan latihan di dalam negara melalui kolaborasi dengan Universiti Brunei Darussalam bagi Pendidikan Profesional Ketenteraan dan Institusi Pendidikan Teknikal Brunei bagi kepakaran teknikal, termasuk inisiatif mendatangkan jurulatih-jurulatih tertentu daripada negara sahabat ke arah mengoptimumkan jumlah anggota yang mengikuti latihan serta penjimatan perbelanjaan negara.

"Saya sukacita mengambil maklum terkini hanya segelintir kursus sahaja yang masih dihantar ke luar negara mengambil kira keperluan prasarana khusus, ketiadaan pakar bagi kursus-kursus spesialis serta jumlah pelatih yang kecil dalam satu masa untuk dikendalikan secara berkesan di dalam negara.

"Sehubungan dengannya, saya berharap tahap profesionalisme tentera hendaklah terus dipertingkat agar dapat diiktiraf sebanding dengan kepakaran tertentu di sektor awam," sabda DYTM.

Dalam hal tersebut, DYTM berpendapat Rejimen Jurutera Tentera Darat Diraja Brunei perlu mempunyai kelayakan dan kepakaran kejuruteraan yang diiktiraf untuk membolehkan ABDB melaksanakan reka bentuk, projek-projek pembinaan dan pengubahsuaian serta keperluan pelupusan selaras dengan peraturan negara tanpa bergantung kepada kepakaran di sektor awam.

Ke arah itu, DYTM bersabda berharap Kementerian Pertahanan, khususnya ABDB, melalui pendekatan Whole of Government akan dapat menjalinkan kerjasama dengan kementerian atau institusi berkepentingan untuk mencapai hasrat ini.

"Dengan meningkatnya ancaman digital daripada serangan siber dan teknologi maklumat, Saya mengambil maklum ABDB juga sedang giat mengungkayahkan pelbagai inisiatif yang menjurus kepada meningkatkan kompetensi anggota melalui kursus dan pendedahan tertentu dengan pihak-pihak yang lebih berpengalaman dari dalam dan luar negara.

"Seyogia, saya berharap kerjasama ABDB dengan agensi-agensi keselamatan siber kebangsaan, khususnya Cyber Security Brunei yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta kerjasama dengan angkatan tentera negara-negara sahabat untuk diteruskan agar keutuhan pertahanan siber negara dapat dicapai secara holistik," sabda DYTM lagi.

Seterusnya DYTM juga mengambil maklum bahawa Rejimen Pasukan Khas telah berjaya melahirkan seramai 28 anggota Pasukan Khas Tier 2 yang akan seterusnya menjadi perintis kepada penubuhan Unit-unit Pasukan Khas Tier 2 bagi Tentera-tentera Darat, Laut dan Udara Diraja Brunei mengikut kepakaran Tempur Khas Darat, Laut dan Udara masing-masing sebagai langkah kepada pembentukan Markas Operasi Khas atau Special Operations Command (SOCOM) yang bakal ditubuhkan.

Natijahnya, tambah sabda DYTM, dengan adanya serta keberhasilan pelbagai usaha pelaburan dalam pembangunan kapasiti tenaga manusia ini, ABDB akan mampu menjamin tahap kesediaan dan kesiapsiagaan tempurnya yang tinggi pada setiap masa.

DYTM dalam sabda juga merakamkan rasa gembira dengan kehadiran Ahli-ahli PERWIRA, iaitu Persatuan Bekas Perajurit ABDB.

"Saya sukacita mengiktiraf komitmen dan sumbangan PERWIRA dalam melaksanakan serta penglibatan aktifnya dalam pelbagai aktiviti kenegaraan, keagamaan dan kebajikan.

"Di atas semangat, sumbangan dan pengorbanan yang berterusan ini, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih serta berdoa semoga mereka diberikan kesihatan dan kekuatan untuk terus produktif dalam bersama-sama menabur jasa dan bakti yang bermakna kepada negara," sabda DYTM.

Mengakhiri sabda, DYTM mengucapkan selamat menyambut dan meraikan HUT ABDB Ke-64 kepada seluruh warga ABDB yang sedang berkhidmat di dalam dan luar negeri serta mereka yang telah pun bersara.

"Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam upacara perbarisan pagi ini serta semua ahli jawatankuasa sambutan pada tahun ini.

"Saya doakan agar ABDB akan sentiasa dalam rahmat dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua dan terus maju jaya. Amin Ya Rabbal Alamin," sabda DYTM.



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan mengurniakan sabda pada Upacara Perbarisan Raksasa sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64.**



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai semasa Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64.**

# PERBARISAN RAKSASA MERIAHKAN SAMBUTAN HUT ABDB KE-64





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Raksasa sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64 di Padang Kawad Tentera Laut Diraja Brunei, Pangkalan Laut Muara (atas dan kanan).**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**MUARA**, Sabtu, 31 Mei. - Meniti usia ke-64 tahun, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) terus mencatat kemajuan yang ketara sebagai sebuah institusi pertahanan negara yang berwibawa dan berdaya saing.

Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB pada tahun ini bertemakan 'Bersama Bersatu Mencapai Cita Negara', menzahirkan semangat kesatuan dan iltizam ABDB dalam mendukung nilai-nilai teras ABDB serta falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), dengan tekad yang padu untuk merealisasikan gagasan negara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Raksasa Sempena Sambutan HUT ABDB Ke-64 di Padang Kawad Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Pangkalan Laut Muara.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Padang Kawad dijunjung oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

>> Muka 6





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah memeriksa barisan pasukan-pasukan Perbarisan Raksasa (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah dan kanan, sebahagian orang ramai yang hadir menyaksikan upacara sambutan berkenaan.**





ڤليتا بروني PELITA BRUNEI



**DULI Yang Teramat Mulia dijunjung ke Pentas Diraja bagi menerima Tabik Hormat Diraja.**

>> Muka 5

Terlebih dahulu, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung ke Pentas Diraja bagi menerima Tabik Hormat Diraja, seterusnya memeriksa barisan Pasukan-Pasukan Perbarisan Raksasa di bawah pimpinan Pemerintah Perbarisan, Komander Mohammad Faizal Ezam bin Haji Abas, TLDB, yang melibatkan seramai 1,064 anggota ABDB terdiri daripada Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB); Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB); Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB); berserta rombongan Panji-Panji Pasukan ABDB; Rejimen Pasukan Khas (RPK); Gabungan Askar Wanita ABDB; Gabungan Pancaragam ABDB, serta Serunai dan Tambur TDDB, dan aset-aset operasi ABDB.

Upacara disusuli dengan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh pasukan-pasukan perbarisan dengan membawa Panji-Panji Pasukan ABDB diikuti dengan perbarisan mara ke hadapan untuk diperhatikan semula.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan mengurniakan sabda bersempena Sambutan HUT ABDB Ke-64.

Bagi memberkati upacara tersebut, bacaan Doa dibacakan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar.

DYTM sekali lagi disembahkan dengan Tabik Hormat Diraja, diikuti dengan pelayaran lalu kapal-kapal TLDB - KDB DARUSSALAM, KDB BERKAT, KDB AL-FARUQ, serta terbang lalu pesawat-pesawat Blackhawk dan C295MW TUDB.

DYTM kemudiannya dijunjung berangkat ke Pusat Latihan Tentera Laut (PLTL), TLDB bagi menyaksikan Pameran Perkembangan Pertahanan.

Seterusnya, DYTM berkenan berangkat ke Dewan Samudera, diikuti ke Mes Pegawai Waran Bintara Kanan dan Bintara TLDB bagi Majlis Ramah Mesra bersama Pegawai Tidak Bertauliah Rendah dan Pegawai Tidak Bertauliah Kanan ABDB.

Di kedua-dua lokasi tersebut, DYTM dijunjung untuk sesi bergambar ramai, seterusnya menerima Pesambah, dan berkenan menerima Junjung Ziarah serta menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan.

>> Muka 7



**DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima Tabik Hormat Diraja (atas).**



**PERBARISAN berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat oleh pasukan-pasukan perbarisan dengan membawa Panji-Panji Pasukan ABDB diikuti dengan perbarisan mara ke hadapan untuk diperhatikan semula (atas, kanan dan bawah kanan). Sementara gambar bawah, terbang lalu pesawat-pesawat Blackhawk dan C295MW TUDB.**









**DYTM berkenan bergambar ramai bersama mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan, mantan-mantan Pemerintah ABDB, Jemputan Khas dan Pegawai-Pegawai Kanan ABDB.**

>> Muka 6

DYTM seterusnya dijunjung berangkat ke Mes Pegawai TLDB bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Sejurus keberangkatan, DYTM dijunjung untuk bergambar ramai bersama mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan, mantan-mantan Pemerintah ABDB, Jemputan Khas dan Pegawai-Pegawai Kanan ABDB.

DYTM kemudian dijunjung bagi Upacara Memotong Kek di Dewan Utama sempena Sambutan HUT ABDB Ke-64, dan seterusnya menerima Pesambah daripada pegawai-pegawai ABDB.

>> Muka 8









**DYTM berkenan menerima Junjung Ziarah (atas, atas kiri, kiri). Manakala gambar atas kanan, DYTM dijunjung bagi menerima Pesambah. Manakala gambar-gambar di bawah, orang ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan Pameran Statik yang diadakan di Pangkalan Laut Muara, Tentera Laut Diraja Brunei.**







Pelita Brunei





**DYTM dijunjung bagi Upacara Memotong Kek sempena Sambutan HUT ABDB Ke-64 (kiri sekali). Manakala gambar kiri, DYTM berkenan menerima pesambah.**

>> Muka 7

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT.

ABDB sentiasa bertunjangkan kepada tiga tonggak utama pertahanan seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021 iaitu Cegah Rintang dan Tindakbalas, Diplomasi Pertahanan dan Pertahanan Holistik, sebagai landasan strategik dalam usaha mempertahankan kedaulatan dan keutuhan wilayah.

Sementara itu, Sambutan HUT ABDB Ke-64 diteruskan hingga 1 Jun 2025 di Pangkalan Laut Muara bagi kunjungan orang ramai bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang memuatkan beberapa acara seperti Pameran Statik; Pameran Kerjaya; Lawatan Kapal; dan Bazar Jualan.

Manakala bagi Persembahan Arena pula juga diadakan pada hari yang sama, bermula pada jam 10.45 pagi.



**DYTM dijunjung berangkat ke Mes Pegawai TLDB bagi Majlis Santap Tengah Hari (kiri). Manakala gambar bawah kiri, bawah kanan dan bawah sekali kanan, sebahagian daripada yang hadir di majlis berkenaan.**





**BACAAN Doa Selamat dibacakan oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar (bawah).**





# PAMERAN PERKEMBANGAN PERTAHANAN ABDB TAMPIL KEUPAYAAN SUMBER MANUSIA BERKUALITI



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan dijunjung bergambar ramai semasa melawat Pameran Perkembangan Pertahanan dari Unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatanarah-Jabatanarah Kementerian Pertahanan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-64 yang diadakan di Pusat Latihan Tentera Laut, Tentera Laut Diraja Brunei (kiri, bawah kiri dan bawah tengah).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Azmi Haji Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin**

**MUARA**, Sabtu, 31 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan Pameran Perkembangan Pertahanan dari Unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatanarah - Jabatanarah Kementerian Pertahanan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) ABDB Ke-64.

Pameran yang diadakan di Pusat Latihan Tentera Laut (PLTL), Tentera Laut Diraja Brunei tersebut mengetengahkan perkembangan ABDB dalam menghasilkan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi.

Perkembangan dalam penghasilan sumber manusia yang berkualiti tinggi ini juga adalah selaras ke arah kemajuan ABDB sepertimana yang dihasratkan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021.

Pada keberangkatan tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima pesambah daripada Pegawai-Pegawai Antarabangsa yang sedang mengikuti kursus di ABDB, termasuk Kursus Maktab Turus Sesi 15/2025, Kursus Bahasa Inggeris bagi Angkatan Tentera Luar Negara Ke-9 dan Kursus Bahasa Inggeris Viet Nam Air Defence Air Force.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama anggota ABDB yang telah menyertai misi-misi antarabangsa di bawah misi pengaman Pasukan Interim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Lubnan (UNIFIL), Independent Decommissioning Body (IDB) dan Operasi BADAI TADUH (Misi Bantuan Kemanusiaan dan Bencana) di Republik Filipina.

Pameran tersebut menyaksikan sebanyak 17 Unit dan Jabatanarah mempamerkan perkembangan sumber manusia atau *human resource capability*, merangkumi pelbagai usaha sama yang telah dan yang akan dilaksanakan pada masa hadapan yang menjurus kepada peningkatan tahap keupayaan dan kepakaran anggota-anggota ABDB.

Sejajar dengan keadaan semasa dan cabaran-cabaran sekuriti yang semakin rumit, ia bukan sahaja tertumpu kepada pemodenan aset semata-mata malahan memerlukan langkah-langkah strategik dan sumber tenaga manusia berkemahiran tinggi.

Sepertimana yang ditekankan dalam Kertas Putih Pertahanan 2021, antara kepentingan utama adalah dalam pengurusan sumber manusia yang harus selaras dengan segala objektif dasar pertahanan.

>> Muka 10





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan mendengarkan sembah penerangan (kanan dan kanan sekali).**











**SEKITAR keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Pameran Perkembangan Pertahanan dari Unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Jabatanarah-Jabatanarah Kementerian Pertahanan (atas, kanan dan bawah kanan).**

>> Muka 9

Justeru, ia memerlukan sokongan berterusan daripada semua pihak berkepentingan agar akan sentiasa dapat menghasilkan anggota-anggota yang mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menangani pelbagai cabaran sekuriti masa kini dan di masa akan datang.

Antara usaha sama yang dipamerkan merangkumi kursus-kursus, latihan-latihan dan pendidikan tentera yang telah dijalankan.

Pameran tersebut turut mengetengahkan kepentingan diplomasi pertahanan dalam pelbagai platform seperti penglibatan dalam misi antarabangsa termasuk IDB, penugasan misi pengaman UNIFIL dan penglibatan dalam eksesais pelbagai hala dan antarabangsa seperti menyertai Eksesais RIMPAC yang telah memainkan peranan dalam memberikan pendedahan ke arah peningkatan tahap profesionalisme anggota-anggota ABDB.

Pameran itu menunjukkan pencapaian dan perancangan ABDB dalam penghasilan sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi.

Ia juga menunjukkan bahawa perpaduan yang kukuh antara semua pihak berkepentingan adalah sangat penting dan harus sentiasa dikekalkan ke arah memperkembangkan *human resource capability* ABDB.



**DULI Yang Teramat Mulia berkenan mendengarkan sembah penerangan (atas dan bawah).**





**ORANG ramai juga tidak melepaskan peluang berkunjung ke Pameran Statik, Pameran Kerjaya, Lawatan Kapal dan Bazar Jualan yang diadakan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-64 bertempat di Pangkalan Laut Muara (bawah kiri sekali, bawah tengah dan bawah kanan).**







# MOHON KEAMPUNAN, KEBERKATAN PADA HARI ARAFAH



**YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir secara maya di Malam Munajat Kali Ke-185.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 31 Mei. - Wukuf di Arafah adalah salah satu rukun dalam ibadah Haji. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud *"Haji itu adalah Arafah"*. (Hadis Riwayat Tirmizi dan Abu Daud) Ini menunjukkan betapa pentingnya Wukuf di Arafah dalam ibadah Haji. Wukuf bermaksud berada di Padang Arafah pada 9 Zulhijah, walaupun hanya seketika, antara waktu tergelincir matahari hingga terbit fajar pada 10 Zulhijah.

Wukuf di Arafah mempunyai banyak kelebihan antaranya adalah puasa Hari Arafah menghapuskan dosa dua tahun. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda *"Puasa pada Hari Arafah, aku berharap kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar ia menghapuskan dosa tahun sebelumnya dan tahun selepasnya"*. (Hadis Riwayat Muslim) Ini bagi yang tidak mengerjakan Haji, berpuasa pada hari ini sangat besar ganjarannya.

Seterusnya ialah Hari Arafah adalah hari pengampunan dosa di mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, *"Tidak ada hari di mana Allah Subhanahu Wata'ala membebaskan lebih ramai hamba-Nya daripada api neraka selain Hari Arafah"*. (Hadis Riwayat Muslim)

Kelebihan seterusnya ialah doa di Arafah sangat mustajab sepertimana Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam *"Sebaik-baik doa adalah doa pada hari Arafah"*. (Hadis Riwayat Tirmizi) Ini peluang terbaik untuk memohon keampunan, hidayah dan segala kebaikan dunia serta akhirat.

Demikian antara yang disampaikan melalui Tazkirah bertajuk 'Kelebihan Hari Arafah' oleh Pegawai Ugama Bi'tah Haji Musim Haji 1446H / 2025M, Awang Haji Abdul Muiz bin Haji Amat bagi acara Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) Kali Ke-185.

Malam Munajat kali ini diserikan oleh pembaca-pembaca yang terdiri daripada jemaah Haji bagi Musim Haji 1446H / 2025M bersiaran secara maya dari Tanah Suci Makkah Al-Mukarramah.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Acara dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah oleh Pengarah Eksekutif Al-Hijrah Travel Tours Sdn. Bhd., Awang Haji Muhammad Yunos bin Haji Taha dari Anwar Al Diyafah Hotel Makkah.

Diikuti dengan bacaan Surah Ar-Rahman dipimpin oleh jemaah haji Musim Haji 1446H / 2025M, pakej Darussalam Services Sdn. Bhd., Awang Haji Mohammad Noor bin Haji Ibrahim dari Dar Al Ghufran Safwah Hotel Makkah.

Seterusnya, Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan serta Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali dari Dar Al Ghufran Safwah Hotel Makkah.

Sejurus selesai tazkirah, diteruskan dengan bacaan Zikir Taubat dipimpin oleh Jemaah Haji Musim Haji 1446H/2025M, pakej Al-Hijrah Travel Tours Sdn. Bhd., Awang Azlee @ Abdus Salam bin Haji Mohd Ali dari Anwar Al Diyafah Hotel Makkah.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh jemaah Haji Musim Haji 1446H/2025M, pakej Darussalam Services Sdn. Bhd., Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim dari Dar Al Ghufran Safwah Hotel Makkah.

Acara Munajat juga disemarakkan dengan penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara. Juga, warga kerja KHEU bersama keluarga serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan *https://tiny.cc/munajatkheu*.

# Komited memperkukuh kerjasama memastikan keamanan, kestabilan rantau





**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa sesi bergambar ramai bersama rakan-rakan sejawat yang menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Pertahanan Asia Tenggara dan Amerika Syarikat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat (kiri). Manakala gambar atas, Yang Berhormat mengadakan perjumpaan dua hala dengan Menteri Koordinasi bagi Sekuriti Kebangsaan dan Menteri Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama K. Shanmugam.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan**

**REPUBLIK SINGAPURA**, Sabtu, 31 Mei. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof mengetuai delegasi dari Kementerian Pertahanan ke Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-Menteri Pertahanan Asia Tenggara–Amerika Syarikat, iaitu mesyuarat sampingan Dialog Shangri-La Ke-22 anjuran Institute for Strategic Studies' (IISS) yang diadakan kelmarin di Republik Singapura.

Turut menyertai delegasi ialah Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Republik Singapura, Puan Yang Terutama Hajah Noor Qamar binti Haji Sulaiman.

Mesyuarat tidak rasmi tersebut menghimpunkan Menteri-Menteri Pertahanan dan wakil negara-negara Asia Tenggara termasuk Timor Leste dan Amerika Syarikat (AS), dan dipengerusikan oleh Setiausaha Pertahanan AS, Yang Berhormat Pete Hegseth, bagi membincangkan cabaran keselamatan serantau termasuk cara untuk memperkukuh keupayaan ASEAN dan meningkatkan penglibatan serta kerjasama antara AS dan negara-negara serantau.

Semasa mesyuarat ini, Yang Berhormat menegaskan komitmen NBD untuk terus melibatkan diri dan mengukuhkan kerjasama dengan AS, termasuk melalui Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN-Plus (ADMM-Plus), demi memastikan keamanan dan kestabilan rantau ini.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga telah berpeluang mengadakan perjumpaan dua hala berasingan dengan Menteri Koordinasi bagi Sekuriti Kebangsaan dan Menteri Ehwal Dalam Negeri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama K. Shanmugam, dan Menteri Koordinasi bagi Perkhidmatan Awam dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing, yang menggariskan tahap hubungan dua hala yang sangat kukuh dan istimewa antara NBD dan Republik Singapura.

# KE ARAH KESAKSAMAAN, KEPRIHATINAN TERHADAP KEPERLUAN MASYARAKAT

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

"Alhamdulillah, dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telus dan bijaksana, inisiatif ini telah diperkenankan pada tahun 2000 dengan matlamat untuk membawa perkhidmatan kesihatan lebih dekat kepada rakyat dan penduduk negara ini, menjadikannya mudah diakses, mampu diperoleh dan berkualiti tanpa mengira lokasi atau latar belakang individu.

"Perubahan ke sistem yang mengutamakan penjagaan kesihatan asasi ini bukan sekadar satu perjalanan yang mengambil masa panjang, malah ia merupakan transformasi dan anjakan paradigma ke arah kesaksamaan dan keprihatinan terhadap keperluan masyarakat," jelas Yang Berhormat dalam perutusan sempena Sambutan 25 Tahun Desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi NBD.

Terang Yang Berhormat, Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi adalah kontak pertama antara perkhidmatan kesihatan dan masyarakat. Justeru, perkhidmatan ini mempunyai kapasiti untuk menggunakan pendekatan yang holistik melalui kepakaran pelbagai disiplin terutamanya dalam pengurusan dan pengawalan penyakit-penyakit kronik di samping mengukuhkan lagi aspek pencegahan dengan mempromosikan cara hidup sihat dan saringan awal penyakit.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan pembangunan infrastruktur yang berkonsepkan One Stop Centre yang juga sejajar dengan Matlamat Pembangunan Milenium (Millenium Development Goals) dan sekarang, Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) telah memudahkan rakyat dan penduduk mendapat perkhidmatan kesihatan asasi yang komprehensif dan sekali gus telah menaikkan taraf pencapaian NBD di antara negara Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang mempunyai Indeks Liputan Kesihatan Sejagat (Universal Health Coverage Index) yang tinggi.

Ujar Yang Berhormat, selaras dengan Wawasan Brunei 2035, Penjagaan Kesihatan Asasi akan terus menjadi tonggak utama dalam sistem penjagaan kesihatan di NBD yang mana telah terbukti adalah lebih kos efektif, berkesan dan selamat ke arah melahirkan masyarakat dan generasi yang lebih sihat dan mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi.

Yang Berhormat mengongsikan sepanjang 25 tahun pelaksanaan dasar ini, pelbagai pencapaian signifikan telah dicapai. Antaranya ialah akses yang diperluaskan dengan penubuhan pusat-pusat dan klinik-klinik kesihatan di lokasi-lokasi strategik dan terancang selari dengan pertumbuhan jumlah dan keperluan kesihatan rakyat dan penduduk yang semakin meningkat sejak desentralisasi dilaksanakan.

"Pada masa sekarang, terdapat 14 buah pusat kesihatan yang memberikan perkhidmatan komprehensif iaitu Perkhidmatan Pesakit Luar, Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak, Perkhidmatan Pergigian, dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain seperti Klinik Mata, Klinik Pemakanan Sihat, Klinik Kesihatan Mental, Perkhidmatan Pemulihan (Rehabilitative) dan lain-lain.

"Terdapat juga empat buah klinik kesihatan berasingan khusus bagi penjagaan kesihatan ibu dan anak serta Perkhidmatan Perubatan Udara bagi kawasan-kawasan tadahan yang memerlukan.

"Alhamdulillah, penyediaan fasiliti di tempat-tempat strategik ini telah membolehkan perkhidmatan yang disediakan dapat diakses oleh hampir semua rakyat dan penduduk di negara ini termasuk mereka yang tinggal di kawasan pedalaman," kongsi Yang Berhormat.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, penyediaan prasarana dan fasiliti perkhidmatan kesihatan asasi di bawah Rancangan Kemajuan Negara semakin berkembang dan direka bentuk sesuai dengan perkembangan teknologi perubatan dan kemahiran profesional dalam memberikan perkhidmatan yang lebih canggih dan berkesan.

Tambah Yang Berhormat lagi, pemerkasaan tenaga kerja kesihatan setempat melalui pembangunan kapasiti dan latihan profesional yang berkualiti bagi para doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu yang ditempatkan untuk memenuhi keperluan komuniti secara lebih berkesan.

Pembangunan latihan kepakaran asas bagi Penjagaan Kesihatan Asasi melalui Latihan Klinikal dan Kursus Pasca Ijazah Sarjana Perubatan (Kesihatan Asasi) bagi doktor-doktor yang menceburi bidang penjagaan kesihatan asasi telah diwujudkan semenjak tahun 2000 dan terus diperkukuhkan bagi menarik lebih ramai lagi pengambilan doktor-doktor tempatan.

Latihan tersebut bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja doktor yang berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa dalam melengkapkan kemahiran untuk menangani masalah kesihatan asasi yang semakin mencabar dengan berasaskan bukti. Alhamdulillah, perkhidmatan latihan klinikal ini telah diterajui dan diketuai sepenuhnya oleh pegawai dan doktor tempatan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan pengekalan dan pengukuhan berterusan program-program kesihatan awam terutamanya saringan penyakit tidak berjangkit dan pengekalan kadar imunisasi anak damit serta penjagaan ibu dan anak pada tahap yang tinggi setaraf dengan petunjuk kesihatan global yang tertentu.

Selain itu, kata Yang Berhormat, pemerkasaan perkhidmatan kejururawatan melalui *nurse-led*




**TERTERA di atas ialah infografik dari Kementerian Kesihatan, menunjukkan lokasi pusat-pusat dan klinik kesihatan di seluruh negara agar dapat diakses oleh hampir semua penduduk di negara ini, termasuklah mereka yang tinggal di kawasan pedalaman.**

*services* yang dikendalikan oleh jururawat terlatih seperti bagi Program Penyaringan Kesihatan Kebangsaan (National Health Screening Programme), Klinik Berhenti Merokok, Klinik Ujian Kanser Serviks (Pap Test), Klinik Diabetic Nurse Educator serta Perkhidmatan Home Based Nursing. Langkah ini bukan sahaja memperluas akses tetapi juga meningkatkan kesinambungan penjagaan kesihatan dan mempercepat intervensi atau rawatan awal penyakit.

"Sambil kita mengenang perjalanan selama 25 tahun ini, kita juga tidak lupa akan peranan dan sumbangan daripada semua pihak yang terlibat sejak permulaan lagi termasuklah kegigihan dan ketabahan para penggubal dan perancang dasar yang mengasaskan perubahan dalam sistem kesihatan ini, komitmen dan pengorbanan para profesional dan pekerja kesihatan dalam mendukung pelaksanaan dasar desentralisasi dan juga pihak-pihak berkepentingan yang lain yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan pihak masyarakat terutamanya pemimpin-pemimpin akar umbi dan masyarakat sendiri yang turut sama menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan desentralisasi perkhidmatan kesihatan asasi di negara ini.

"Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat atas kemajuan yang dicapai selama ini dan Kementerian Kesihatan sangat berharap agar ikatan kerjasama ini akan terus terjalin selamanya dalam kita terus melangkah ke hadapan yang lebih baik dari hari ini insyaAllah," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, Kementerian Kesihatan akan terus memperkukuh penjagaan kesihatan asasi sebagai asas kepada sistem kesihatan yang inklusif, mampan dan berdaya tahan. Kita melangkah ke hadapan dengan penuh komitmen terhadap prinsip 'Kesihatan Untuk Semua', demi kesejahteraan rakyat dan generasi masa depan.

Jelas Yang Berhormat, inilah masanya untuk Kementerian Kesihatan memperbaharui komitmen terhadap penyediaan sistem kesihatan yang lebih teguh, lebih mudah diakses, saksama dan mengutamakan pelanggan (*people-centred*) yang mana mampu dijayakan (*accomplished*) dengan inovasi-inovasi yang berkesan dan berdaya tahan seperti penggunaan teknologi digital dalam pemberian perkhidmatan kesihatan asasi dan memperkasa masyarakat untuk lebih berpengetahuan dan berpenglibatan dalam penjagaan kesihatan.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memberkati usaha kita dan mengurniakan NBD dengan kesihatan, kesejahteraan serta kasih sayang dan perpaduan yang berpanjangan," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusan.




MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Keberkesanan Pembelajaran Digital'.** Tarikh Tutup **: 4 Jun 2025**
2. **'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama'.** Tarikh Tutup **: 11 Jun 2025**
3. **'Peranan Usahawan Muda dalam Meningkatkan Ekonomi Negara'.** Tarikh Tutup **: 18 Jun 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# 9 ANAK DAMIT LAHIR PADA HARI ULANG TAHUN ABDB

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Hernie Suliana Haji Othman





**PENYAMPAIAN cenderahati kepada lapan anak damit yang dilahirkan di Hospital RIPAS disempurnakan oleh isteri kepada Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Jun. – Seramai sembilan orang anak damit telah dicatatkan kelahiran bertepatan pada tarikh bersejarah iaitu 31 Mei tahun ini, sempena Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-64.

Lapan anak damit dilahirkan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Bandar Seri Begawan sementara seorang anak damit lagi di Hospital Suri Seri Begawan (SSB), Kuala Belait.

Sehubungan itu, bagi meraikan kelahiran istimewa tersebut, Majlis Meraikan Kelahiran Anak-anak Damit telah diadakan secara serentak di hospital-hospital kerajaan.

Sebagai tanda penghargaan, setiap anak damit menerima cenderahati sumbangan daripada ABDB dan Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI), berserta hamper tajaan daripada Mothercare.

Penyampaian cenderahati yang berlangsung di Hospital RIPAS telah disempurnakan oleh isteri kepada Pemerintah ABDB, Datin Ummisyafinah binti Haji Zaini.

Sementara di Hospital SSB, Kuala Belait pula, cenderahati disampaikan oleh isteri kepada Pemerintah Tentera Udara Diraja Brunei, Hajah Rosnah @ Lily binti Haji Matamit.

Turut hadir memeriahkan majlis berkenaan ialah pegawai-pegawai ABDB, pegawai-pegawai Kesihatan dan kakitangan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir BAKTI.

Acara tahunan ini telah memeriahkan lagi Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB, di samping menekankan nilai keprihatinan dan kepentingan ikatan kekeluargaan yang berkekalan dalam ABDB dan komuniti yang lebih luas.




# Masjid Kampung Sungai Besar anjur Majlis Khatam Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto : Masjid Kampung Sungai Besar

**SUNGAI BESAR**, Sabtu, 31 Mei. - Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi jemaah Tadarus Subuh yang berlangsung di Masjid Kampung Sungai Besar, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram juga selaku AJKT Masjid Kampung Sungai Besar serta AJKT yang lain.

"Al-Quran menjadi panduan tepat kepada semua umat Islam. Al-Quran menjadi rujukan semua aspek kehidupan yang akan membantu *kitani* ke jalan yang tepat," ujar Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit dalam ucapannya pada majlis tersebut, di sini.

Beliau juga selaku Penasihat AJKT Masjid Kampung Sungai Besar melahirkan rasa kesyukuran istiqamah jemaah secara berjemaah bertadarus dan menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran serta melahirkan harapan agar kekukuhan ukhuwah akan terus dikekalkan dalam sama-sama mengeratkan hubungan sekali gus mengimarahkan masjid.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara berjemaah, disusuli dengan bacaan surah-surah lazim bermula Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas yang dipimpin oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Kemudian, bacaan Takhtim dan Doa Khatam dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhd. Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme, yang seterusnya membaca bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Tahlil.

Majlis ini merupakan sebahagian daripada inisiatif jemaah Tadarus Subuh Masjid Sungai Besar yang menyasarkan untuk mengkhatamkan Al-Quran sekali setiap bulan dalam usaha memakmurkan masjid dan mendekatkan masyarakat dengan Al-Quran.



**AHLI Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Besar bergambar ramai di Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Besar.**

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 03 / 2025-2026

**Tajuk Sebut Harga**
Construction Of Two New Offices Room, Window Replacement And Blinds Installation At Ministry Of Primary Resources And Tourism

**Tarikh Buka Sebut Harga:**
Isnin,
2 Jun 2025.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis, 26 Jun 2025.
2.00 Petang.

**Tarikh Taklimat:**
Selasa,
12 Jun 2025.
9.00 Pagi.

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract For Building Cleaning Services
1. Gerai Kompleks Sri Selera Seria, Jalan Bunga, Kemantin Seria
2. Gerai Bunga Simpur Kuala Belait, Jalan Bunga Simpur, Kuala Belait
3. Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait

**Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I & II Kategori SO2)**

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TOC / BCS (7) / 2023 – 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025

**Bilangan Tawaran:**
1 / BBS / 1 / TWTLTTTGCT&BC / 2025 - 2026

**Keterangan Projek:**
To Transport Water Tanker, Light Truck, Tractor, Gully Cleaner Truck And Four (04) Unit Big Compressor AHU- Air Handling From Kuala Belait To JKR Sinarubai, Bandar Seri Begawan

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (*Non – Refundable*)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 10 Jun 2025.

**Bilangan dan Tajuk Projek:**
03 / BBS / SH / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Demolish Work To Bangunan Pentas Taman Jubli Perak, Jalan Maulana Kuala Belait

**Yuran Tawaran:** BND5.00

**Bilangan dan Tajuk Projek:**
BBS / TOC / BCS (6) / 2025 - 2028 - Three (3) Years Term Contract For Building and Cleaning Services : (i) Pejabat Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait & Seria, Jalan McKerron, (ii) Dewan Bandaran Kuala Belait & Bahagian Letak Kereta Kuala Belait, (iii) Dewan Persidangan Kuala Belait

**Yuran Tawaran:** BND50.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract For Building And Cleaning Services.
I. Pejabat Utama Jabatan Bandaran Kuala Belait & Seria Jalan Mckerron, Kuala Belait.
II. Dewan Bandaran Kuala Belait & Bahagian Letak Kereta Kuala Belait.
III. Dewan Persidangan Kuala Belait, Jalan Mckerron Kuala Belait.

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TC(6) / 2025 – 2028

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

---

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan dan 22 Muatan Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan**

**1. DA / JKSH / 35 / 2025 / 2026 [BKP-MEI-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak Satu (1) Buah Bagi:
Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil,
Kluster 1,
Daerah Brunei Muara,
Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**2. DA / JKSH / 36 / 2025 / 2026 [BKP-MEI-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 22 Muatan Sebanyak Dua (2) Buah Bagi:
Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil,
Kluster 1,
Daerah Brunei Muara,
Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**3. DA / JKSH / 37 / 2025 / 2026 [BKP-MEI-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Pengangkutan Bas Sewa Khas 15 Muatan Sebanyak Dua (2) Buah Bagi:
Sekolah Rendah Semabat,
Daerah Temburong,
Di Bawah Kawalan Bahagian Kenderaan dan Pengangkutan, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu, 14 Jun 2025.
(Jam 9.00 Pagi)

---

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
III / IV / V

**Kategori:**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
2 Jun 2025. (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
17 Jun 2025 (Isnin)

**Tarikh Tutup Pada:**
1 Julai 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BTR/ T012 / 2025**
Penyelenggaraan Landskap Di Taman Rekreasi Menteri Besar Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
**JASTRE / BTR / T012 / 2025**

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran:**

**Sebut Harga Bagi:**

**1. Towing Services For Fire Vehicles**
[1 YEAR CONTRACT]
(RUJ: JBP / TSH / 02 / 2025 - 2026)

**2. Replacing Clutch Lining For Fire Vehicles**
[1 YEAR CONTRACT]
(RUJ: JBP / TSH / 03 / 2025 - 2026)

**3. General Overhaul Ford Trader BG3504**
(RUJ: JBP / TSH / 04 / 2025 - 2026)

**4. General Overhaul Mitsubishi L200 BG3058**
(RUJ: JBP / TSH / 05 / 2025 - 2026)

**5. Repair Of Main Pump Bearing Shaft Mercedes Atego BG8009**
(RUJ: JBP / TSH / 06 / 2025 - 2026)

**6. General Overhaul Mitsubishi L200 BG3055**
(RUJ: JBP / TSH / 07 / 2025 - 2026)

**7. General Repair Of Volvo Fl10 BG8946**
(RUJ: JBP / TSH / 08 / 2025 - 2026)

**8. Repair Air System Of Volvo Fl10 BG3845**
(RUJ: JBP / TSH / 09 / 2025 - 2026)

**9. Kursus Memandu Kelas V**
(RUJ: JBP / TSH / 10 / 2025 - 2026)

**Tarikh Tutup / Jam:**
Khamis, 19 Jun 2025.
(1.50 Petang )

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

INSTITUT PENDIDIKAN TEKNIKAL BRUNEI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE**

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 030 / TK25-26
[AB-ATC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Basah Bagi:

**IBTE Kampus Agro-Teknologi,**
Jalan Wasan, Kg Wasan, Mukim Pengkalan Batu BH2323
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AB/ATC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 031 / TK25-26
[AB-JBC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Basah Bagi:

**IBTE Kampus Jefri Bolkiah,**
Jalan Setia Negara,
Kuala Belait KA1931
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AB/JBC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND100.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 032 / TK25-26
[AB-NRC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Basah Bagi:

**IBTE Kampus Nakhoda Ragam,**
KM 13, Jalan Lebuh Raya Muara – Tutong,
Lambak Kanan BC2515
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AB/NRC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND100.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 033 / TK25-26
[AK-ATC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Kering Bagi:

**IBTE Kampus Agro-Teknologi,**
Jalan Wasan, Kg. Wasan,
Mukim Pengkalan Batu BH2323
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AK/ATC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE/LTK/034/TK25-26
[AK-JBC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Kering Bagi:

**IBTE Kampus Jefri Bolkiah,**
Jalan Setia Negara,
Kuala Belait KA1931
Daerah Belait
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AK/JBC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
IBTE / LTK / 035 / TK25-26
[AK-NRC-MEI-2025]

**Keterangan:**
Tawaran Rancangan Pemakanan IBTE Bahagian Asrama Kering Bagi:

**IBTE Kampus Nakhoda Ragam,**
KM 13, Jalan Lebuh Raya Muara - Tutong
Lambak Kanan BC2515
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan

Kod Blok: IBTE/AK/NRC
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND50.00
(Bayaran Yuran/ Dokumen Tawaran tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
17 Jun 2025 (Tidak lewat Jam 2.00 petang)

**Tempat Mengambil Borang:**
Unit Perolehan, Tawaran dan Sebut harga,
Aras Bawah,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

**Tempat Pembayaran:**
Kaunter Pembayaran:
Unit Hasil, Tingkat 2,
Bahagian Kewangan,
Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Ibu Pejabat)
Simpang 347, Jalan Pasar Gadong
Gadong BE1310

**Waktu-Waktu Penerimaan Wang Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran**
Isnin - Khamis
Sesi Pagi:
8.30 Pagi – 11.30 Pagi
Sesi Petang:
2.00 Petang – 3.00 Petang

---

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Pembekalan Buku-Buku Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**
05 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 24 Jun 2025.

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Pembekalan Dakwat Bagi Alat Cetak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**
04 / DBP / SH / 2025 - 2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

---

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**
04 / FEB / 2025 / KKBS / PJK / 16.16 ( R )

**Tajuk Tawaran:**
Kerja-Kerja Penggantian Lantai dan Pembasmian Anai Bagi Kompleks Sukan Sungai Kebun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam (Retender)

Replacement Of Existing Floor And Anti Termite Work For Sungai Kebun Sports Complex, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam (Retender)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
09 / JUNE / 2025 / KKBS / PJK / 16.43

**Tajuk Sebut Harga:**
Anti Termite Treatment For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Temburong, Brunei Darussalam
1) Batang Duri Camp
2) Belalong Camp

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 19 Jun 2025.

**Bilangan Tawaran:**
15 / MEI / 2025 / KKBS / HSSE / SECURITY / PPB

**Tajuk Tawaran:**
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan Kompleks Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

---

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Dibukakan Kepada Pemborong - Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas:**
Terbuka

**Kategori:**
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada:**
Sabtu,
7 Jun 2025.

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
KHEDN / LTK / 2025-0

**Tajuk Projek:**
Kerja-Kerja Pembekalan Dan Pemasangan Cucul LED Di Sepanjang Jalan Sultan Daripada Jambatan Edinburgh, Persimpangan Jalan Sultan / Jalan Haji Basir Sehingga Pusing Keliling Jalan McArthur Di Hadapan Bangunan Energy Hub

**Bilangan Projek:**
KHEDN / BPE / B01303-07

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 021 / 2025
Supply and Delivery of Air Inlet Filters for Frame 6541 Gas Turbines at DES Power Station

**Tarikh Tutup:**
10 Jun 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
02 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Tiga (3) Main Switch Board Termasuk Pendawaian Bangunan Pentas Diraja Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong - pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam**

**Kategori:**
E01 – Pemasangan Pendawaian Elektrik

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(*Non - Refundable*)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
3 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Rujukan :**
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 26 / BPKB / 03

**Tajuk Sebut Harga :**
Request For Proposal Bagi Memajukan, Membiayai, Mengendali dan Menyelenggara Tapak Gazette No. 81504 Kampung Parit

**Hari, Tarikh dan Jam Tutup:**
Khamis, 12 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:**
Bahagian Perancangan dan Kemajuan Bandar
Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan
Blok B1, Jalan Seri Beribi,
Negara Brunei Darussalam

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / POC / TA / 01
Pembelian Peralatan Sukan Functional Training Bagi Keperluan Pusat Optima Kecergasan Tentera

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Isnin, 9 Jun 2025.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 17 Jun 2025
2.00 Petang.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN POS**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pusat Memproses Mel, Lapangan Terbang Lama Berakas Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
POS / T / 01 / JPP / 2025-2026

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
Perkhidmatan Towing Bagi Kenderaan Kerajaan Jabatan Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
POS / T / 02 / JPP / 2025-2026

**Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
Membekal / Memelihara / Membaiki Motosikal Jabatan Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh Satu (1) Tahun
POS / T / 03 / JPP / 2025-2026

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
3 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan Tawaran:**
KK / 121 / 2025 / LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Reagents And Consumables For Illumina Platform (AMR Surveillance) For Microbial Genomics Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup:**
3 Jun 2025.
Tidak Lewat Jam
2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
14 / APRIL / 2025 / KKBS / SECURITY / DBP

**Tarikh Tutup Tawaran:**
10 Jun 2025,
jam 2.00 Petang.
Selasa.

**Tajuk Tawaran:**
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan-Bangunan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**
JDBM / T / 01 / 2025
Tawaran Membekalkan Kayu Bagi Kerja-Kerja Membaikpulih Kerosakan Jambatan-Jambatan Utama Kampung Batu Marang, Kampung Pandai Besi, Kampung Pekan Lama, Kampung Sungai Pandan Dan Kampung Sungai Matan, Negara Brunei Darussalam.

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JDBM / T / 02 / 2025
Tawaran Membekalkan Kayu Dan Plywood Bagi Keperluan Membuat Platform Dan Rangka Kayu Sempena Majlis Keberangkatan KDYMM Beramah Mesra Bersama Rakyat Bagi Daerah Brunei Dan Muara.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

# PERATURAN PENGIKLANAN
## (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI

فليتا بروني PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :
E-MEL :
**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
**+673 2383400 sambungan Meja Iklan**

**SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.**

**RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.**

**IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.**

# IMBASAN MINGGUAN



SEBAHAGIAN yang hadir pada Pertandingan Peringkat Akhir Bintang Kecil 2025. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEORANG pegawai ketika merukyah anak bulan Zulhijah 1446 Hijrah. - Foto : Mohammad Hasif Matzin



SEORANG pelajar yang terlibat pada Pameran Projek Universiti Teknologi Brunei. - Foto : Alishahrin Haji Mumin



Kempen Derma Darah bersama Komuniti Thailand dan 'Friends of Thailand' di Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Aras I, Bilik Derma Darah, Jerudong Park Medical Centre. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SEBAHAGIAN daripada pelajar Sekolah Menengah Awang Semaun yang mengikuti Jerayawara Kenali ASEAN. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



AKTIVITI pemindahan rumput laut yang diadakan di Pulau Bedukang. - Foto : Mohammad Hasif Matzin




# بركنديغ باهو دالم منجاك كأمانن دان كدولتن نكارا

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دغن منيغكتكن كإيمانن كقدڽ. سسڠكوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠإيڠتي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ، براوله كجيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، نڬارا بروني دارالسلام سنتياس دالم كادأن أمان، تنترام دان داماي. اين اداله نعمت يڠ تيدق ترنيلاي درڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ يڠ واجب كيت شكوري. نعمت كأمانن اين تيدق حاضر بڬيتو سهاج ملاينكن اي دكچاڤي دڠن رحمة دان كورنيأن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ جوا سرتا حاصيل أوسها دان كرجاسام ڤلباڬاي ڤيهق بايك كڤيمڤينن نڬارا، إنستيتوسي-إنستيتوسي كسلامتن سهيڠڬ رعيت جلاتا يڠ سنتياس مميليهارا، ممڤرتاهن دان ممڤركوكوه كدولتن سرتا كهرمونين نڬارا. جوسترو، واجب باڬي كيت منشكوري نعمت اين دڠن تروس منجاڬ أمانه كأمانن اين ملالوي كطاعتن دان كتقوأن كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دان سماڠت تڠڬوڠجواب برسام.

جماعه يڠ درحمتي الله،

منجلڠ ٣١ مي اين، كيت اكن ميمبوت هاري أولڠ تاهون أڠكتن برسنجات دراج بروني يڠ ك-٦٤ تاهون. كوجودنڽ اداله اونتوق مڠڬالس تڠڬوڠجواب مميليهارا كأمانن دان كسلامتن دڠن ميناتاي أمانه ڤد منجاڬ كدولتن راج، أڬام دان نڬارا دڠن ڤنوه إلتازم دان ديديكاسي، دسمڤيڠ سباڬاي ككوارن ڤرتاهنن يڠ برصفة ستراتيجيك اڬر تيدق موده دڬڠڬو ڬوڬت اتاو دجروبوهي. تنڤا اد تنترا، سسبواه نڬارا ايت اكن سنتياس برادا دالم كادأن ترأنچم دان تيدق سلامت دري سبارڠ أنچمن سام اد دري لوار ماهوڤون دالم نڬارا ايت سنديري. برفرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة الأنفال أية ٦٠:

**تفسيرڽ:**

**دان سدياكنله اونتوق (منتڠ) مريك (موسوه يڠ منجروبوه) دڠن اڤ جوا كقواتن يڠ كامو ترمڤو دان درڤد كودا-كودا يڠ دسدياكن اونتوق برڤرڠ سوڤاي كامو داڤت مڠڬرونكن موسوه الله دان موسوه كامو سرتا اورڠ-اورڠ لاين سلاين درڤد مريك ايت يڠ كامو تيدق مڠتهوين سدڠكن الله مڠتهوي مريك. دان اڤ جوا يڠ كامو بلنجاكن ڤد جالن الله اكن دسمڤورناكن (كنچارن ڤاهلاڽ) كڤد كامو دان كامو ڤولا تيدق دأنياي (تيدق دكورڠكن ڤاهلا).**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سسوڠڬوهڽ كقواتن سسبواه نڬارا ايت بوكن ساج دڠن مميليكي ڤرالتن تنترا يڠ چڠڬيه، تتاڤي جوك منونتوت ستياڤ ڤريڠكة أڠڬوتاڽ مميليكي فيزيكال يڠ لاسق، سڤيريتوال يڠ تابه دان مينتل يڠ كنتل، سنتياس سياڤ سياڬا سرت بركماهيران تيڠڬي دالم بيدڠ كتنترأن. مريك اين ممڤو ميكول توكس كتنترأن دان تڠڬوڠجواب سرت بركممڤوان منڠڬوڠ ريسيكوڽ.

سلاين دري ايت، ڤارا أڠڬوتا تنترا هندقله جوك مميليكي كقواتن روحاني دڠن ممنتڤكن كإيمانن دان كطاعتن كڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم ممستيكن ڤرجواڠن مريك سنتياس منداڤت ڤرتولوڠن دان منداڤت كبركتن درڤد الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. سجاره ممبوقتيكن بهوا كتڬوهن إيمان، ديسيڤلين ديري دان سماڠة جواڠ يڠ تيڠڬي منجادي ترس أوتام دالم ممبنتوق ڤاسوكن يڠ بنر-بنر أمڤوه مڠهادڤي سبارڠ بنتوق أنچامن، سام اد برصفة فيزيكال ماهوڤون إيدولوجي. جوسترو ايت، كمنڠن بايق برڤيهق كڤد تنترا إسلام دالم بايق ڤڤراڠن والاوڤون جوملاه مريك لبيه سديكيت بربنديڠ تنترا موسوه. فرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة البقرة أية ٢٤٩:

**تفسيرڽ:**

**بركات ڤولا اورڠ-اورڠ يڠ ميڠكا (ميقيني) بهاوا مريك اكن منموءي الله: "براڤ بايق (تله ترجادي) كومڤولن يڠ سديكيت داڤت مڠالهكن كومڤولن يڠ بايق دڠن إذن الله." دان الله برسرتا اورڠ-اورڠ يڠ صبر.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

توكس سباڬاي تنترا اداله توكس يڠ مليا دسيسي أڬام ماهوڤون نڬارا. اوليه يڠ دمكين، ورڬ أڠكتن برسنجات دراج بروني ڤرلو تروس ممڤركاسا PROFESIONALISME سرت سنتياس برادا دالم كسياڤ سياڬأن ترتيڠڬي. ستياڤ أڠڬوتا تنترا ڤرلو مميليكي كقواتن حاتي ديري دڠن ممفوكوسكن كقواتن فيزيكل، ستراتيجي دان جوك سڤيريتوال. فيزيكل اتاو جسماني، يأيت توبوه بادن يڠ سنتياس قوات دان صيحت داڤت دچاڤي دڠن اداڽ لاتيهن يڠ ڤروفيسيونل. دڠن چابرن كسلامتن ماس كيني يڠ سماكين كومڤليكس، مڠهندقي ستراتيجي ڤرتاهنن يڠ كوكوه باڬي ممستيكن ككنتيڠن نڬارا تروس ترجاڬ دان كسجهترأن رعية سنتياس دكچاڤي.

ڤد زمان رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ راماي صحابة-صحابة يڠ بيجق دالم مڠاتور ستراتيجي ڤڤراڠن سهيڠڬكن منچاڤي ككجايأن دان كمنڠن دالم ڤڤراڠن. چونتوهڽ سباڬيمان يڠ برلاكو دالم ساتو ڤريستيوا سبلوم برلاكوڽ ڤڤراڠن، رسول الله صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ مميليه تمڤت يڠ اكن منمڤتكن تنترا إسلام، لالو سأورڠ صحابة يڠ بيجق دان بايق ڤڠالمن دالم ڤڤراڠن باڬون برتاڽ كڤد رسول الله: اداكه أرهن ايت ساتو وحيو واهاي رسول الله؟ جواب رسول الله: تيدق! لالو صحابة ايت منجادڠكن اڬر تنترا إسلام مڠمبيل كدودوقن دتمڤت يڠ بردكتن دڠن تلاڬ أير. دالم ڤڤراڠن، سومبر أير يڠ منچوكوڤي ساڠتله ممبريكن إمڤق يڠ ساڠت بسر كڤد تنترا.

بڬيتو جوك دڠن قيصه صحابة سَلْمَانُ الفَارِسِي رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ يڠ منجادڠكن سوڤاي تنترا إسلام مڠڬالي ڤاريت دسكليليڠ كوتا مدينه باڬي مناهن كماراڽ تنترا موسوه سماس دالم ڤڤراڠن خندق.

ادڤون سڤيريتوال اتاو كروحانين، يأيت كقواتن دالمن اداله برڤاوت تڬوه منجالين هوبوڠن دڠن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ يأيت دڠن سنتياس منجاڬ كواجيڤن سباڬاي سأورڠ مسلم، ممڤو مڠهيندركن ديري دري سڬل ڤربواتن موڠكر دان معصية سرت مڠاول ديري درڤد ترجبق دڠن عملن-عملن يڠ منجاجاتكن إينتڬريتي. سموا اين اداله دالم رڠكا ممبنتوق جاتي ديري مسلم يڠ كوكوه سرت منانمكن كسداران بهوا ڤرجواڠن ممڤرتاهنكن تانه أير اداله ساتو عباده يڠ بسر دسيسي الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ. برفرمان الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم سورة الأنفال أية ٤٥:

**تفسيرڽ:**

**واهاي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! اڤبيل كامو برڤرڠ دڠن ڤاسوكن (موسوه) مك هندقله كامو تتڤ تڬوه مڠهادڤين، دان إيڠتله الله بايق-بايق سوڤاي كامو برأوليه كمنڠن.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

دالم ملقسانأكن تڠڬوڠجواب باڬي ممستيكن كأمانن، كأوتوهن دان كدولتن نڬارا سنتياس ترڤليهارا، إي جوك ممرلوكن كوميتمن سلوروه لاڤيسن رعية دان ڤندودوق نڬارا. كيت سلاكو رعية ڤرلو مموقوك سماڠة كستيأن كڤد راج دان كچينتأن كڤد نڬارا سرت برعزم تيڠڬي ممڤرتاهنكنڽ دالم اڤ جوا كادأن دان دالم اڤ جوا ڤرانن ماسيڠ-ماسيڠ. كستابيلن دان كأمانن كڤل سباڬاي ڤرا شرط ڤنتيڠ اونتوق ڤمباڠونن كسجهترأن نڬارا.

مك سباڬاي رعيت دان ڤندودوق دنڬارا اين، سام-سامله كيت بركنديڠ باهو ممبنتو ڤيهق تنترا منجاڬ كأمانن، كستابيلن دان كدولتن نڬارا يڠ دچينتاي اين. سموڬ دڠن دمكين نڬارا كيت اكن سنتياس امان دان ترهيندر دري سبارڠ أنچمن موسوه. سام-سامله كيت بردعاء كحضرة الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ اڬر سلوروه أڠڬوتا أڠكتن برسنجات دراج بروني تروس دبري كقواتن دان ڤرليندوڠن الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دالم ملقسناكن أمانه بسر اين سرتا تروس منجادي بينتيڠ يڠ قوات كڤد نڬارا دان سموڬ سڬل جاس دان ڤڠوربنن أڠكتن برسنجات دراج بروناي دالم ممڤرتاهنكن كسوچين أڬام، كدولتن راج، بڠسا دان نڬارا دكورنياكن كنچاران ستيمڤال اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ دان نڬارا كيت سنتياس دليندوڠي اوليه الله سُبْحَانَهُوَتَعَالَىٰ سرت دجاوهي دري بلاء دان بنچان. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**واهاي اورڠ-اورڠ يڠ برإيمان! برصبرله كامو (مڠهادڤي سڬل كسوكرن دالم مڠرجاكن ڤركارا-ڤركارا كباجيقن)، قواتكنله كصبرن كامو (دالم مڠهادڤي اورڠ-اورڠ كافر) دان برسياڤ سدياله (دڠن كقواتن ڤرتاهنن دسمڤادن نڬري كامو) سرتا برتقوى له كڤد الله سوڤاي كامو برجاي (منچاڤي كمنڠن) . { سورة آل عمران أية: ٢٠٠ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى القرآن الْعَظِيم، وَنَفَعَنا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**




# Pamerkan kreativiti, inovasi belia

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

SELARAS dengan perkembangan semasa, industri kreatif kini menjadi salah satu sumber penting bagi pertumbuhan sesebuah negara. Belia yang kreatif dan berinovasi setentunya akan dapat membantu mempromosikan negara ke persada antarabangsa di samping membuka peluang pekerjaan yang sekali gus membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Oleh itu, belia-belia di negara ini hendaklah diberikan bimbingan dan pendedahan yang meluas agar mereka dapat mengembangkan kreativiti masing-masing.

Salah satu institusi yang berperanan penting dalam melahirkan belia kreatif dan berinovasi di negara ini adalah Universiti Teknologi Brunei (UTB). Dengan misi untuk melahirkan bakat yang tinggi bagi masyarakat yang mampan, global dan berdaya usaha, yang berakar umbi dalam falsafah negara (MIB) ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, UTB terus komited melahirkan belia kreatif dalam pelbagai bidang. Kreativiti-kreativiti yang dihasilkan oleh belia-belia UTB telah dipamerkan semasa berlangsungnya Pameran Projek UTB 2025 baru-baru ini di Dewan Serbaguna dan Bangunan Fakulti Kejuruteraan di universiti berkenaan. Bertemakan 'Synergising Innovation, Technology and Sustainability : Empowering The Future', pameran komprehensif ini menunjukkan cara jurutera, ahli teknologi dan generasi saintis akan datang dalam menangani cabaran global melalui penyelidikan dan pembangunan.

### Busana pengantin kontemporari

Antara yang menarik semasa pameran berkenaan ialah tiga pasang pakaian pengantin yang dihasilkan melalui projek 'Contemporary Design in Bridesmaid Fashion', oleh tiga pelajar dari Fashion Design and Technology, School of Design. Busana rekaan Dayang Nadhirah binti Amir bermotif tradisional Brunei iaitu Ayer Muleh, yang kini jarang digunakan dalam fesyen pengantin moden akibat pengaruh motif luar. Kajian ini meneroka cara untuk mengembalikan motif tersebut ke dalam busana pengantin kontemporari dengan meneliti penggunaannya kini, mencuba teknik seperti sulaman dan cetakan, serta menghasilkan tiga rekaan moden yang bertujuan untuk memelihara warisan budaya Brunei dengan menggabungkan elemen tradisional ke dalam gaya moden, sekali gus memupuk penghargaan terhadap budaya melalui fesyen yang inovatif.

Manakala pakaian pengantin rekaan Dayang Ani Nur Izzah Haziqah binti Abdul Rahim pula menggabungkan warisan Brunei dan seni Barat dengan menyatukan elemen tradisional Tudung Dulang bersama keindahan seni kaca berwarna Tiffany. Hasilnya ialah koleksi pakaian pengantin Melayu moden yang meraikan budaya melalui fabrik, warna, dan perincian. Projek ini dihasratkan untuk memberi inspirasi kepada generasi pereka muda agar terus memelihara dan mentafsir semula tradisi dengan cara yang segar dan bermakna.

Sementara itu busana rekaan Dayang Nur Fatharani Husna Kaiyisah binti Othman pula menggabungkan simbolisme pokok periuk kera dan motif porselin Cina ke dalam rekaan gaun dan pengapit pengantin. Menggunakan pendekatan kualitatif, penyelidikan ini merangkumi analisis visual, eksperimen bahan, pembangunan reka bentuk, dan pembinaan pakaian bagi menggambarkan hubungan simbolik dan estetik antara kedua-dua motif tersebut. Tiga helai pakaian lengkap telah dihasilkan sebagai hasil akhir penerokaan kreatif ini. Gabungan yang terhasil mencerminkan pengaruh trend reka bentuk kontemporari, yang diperkukuhkan lagi oleh platform digital dalam dunia tanpa sempadan masa kini.

### Eco-Warisan

Pendekatan semasa pengurusan sisa botol plastik di negara ini terutamanya bergantung pada pelupusan sampah. Kaedah ini bukan sahaja mempercepatkan pengurangan sumber tanah yang berharga tetapi juga menyumbang kepada peningkatan pelepasan gas rumah hijau, yang menimbulkan kebimbangan alam sekitar yang serius dalam jangka panjang.

Isu tersebut menarik perhatian mahasiswi yang mengikuti jurusan Bachelor Of Science (Honours) in Product Design, Dayang Nuradilah binti Haji Mohd. Hamdilah untuk menghasilkan projek Eco-Warisan. Produk inovatif yang menggabungkan fungsi dengan identiti budaya ini memperlihatkan mekanisme yang direka untuk memampatkan botol plastik bagi kegunaan kitar semula yang lebih cekap dengan mengintegrasikan unsur-unsur tradisi kebruneian. Eco-Warisan juga dihasilkan untuk menggalakkan kemampanan sambil mengekalkan tradisi tempatan.

### Kenderaan elektrik

Sementara itu mahasiswa dari Electrical and Electronic Engineering, Faculty of Engineering, Zikry Amani bin Azma'in pula menumpukan projek untuk meningkatkan sistem elektrik kenderaan Eco Marathon Shell bagi menghasilkan prestasi, kecekapan tenaga, dan keselamatan yang lebih baik di samping memastikan pertandingan dipatuhi dan pusingan ditamatkan dengan jayanya. Projek ini berjaya meningkatkan sistem elektrik kenderaan, yang membawa kepada persaingan yang cekap selain menjadi penanda aras bagi inovasi masa depan dalam reka bentuk kenderaan elektrik yang mampan untuk Eco Marathon Shell di UTB.

Pameran seumpama ini merupakan salah satu platform berharga bagi para mahasiswa UTB untuk mempamerkan kreativiti dan keupayaan inovatif mereka di samping menunjukkan potensi sumbangan pelajar kepada pembangunan negara. Apa yang diharapkan dengan adanya pameran ini akan menjadi pemangkin semangat kepada golongan belia di negara ini untuk menjadi seorang yang berfikiran kreatif dalam bidang masing-masing.






# Dedahkan strategi manipulatif industri tembakau

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Jabatan Penerangan**
**Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei**

**TEMBAKAU** merupakan salah satu ancaman utama kepada kesihatan awam di seluruh dunia, dan penggunaannya, sama ada melalui rokok, cerut, tembakau kunyah atau shisha, membawa pelbagai kesan buruk yang boleh mengancam nyawa. Penggunaan tembakau boleh mengancam individu, keluarga dan masyarakat.

Akibatnya kepada manusia, termasuk dari segi penderitaan, penyakit, dan kematian, keluarga miskin, dan pembangunan sosioekonomi. Wang yang tidak digunakan untuk membeli rokok boleh dibelanjakan untuk kepentingan yang lain, termasuk membeli makanan sihat dan pendidikan.

Salah satu cabaran kesihatan awam utama hari ini ialah daya tarikan tembakau, nikotin dan produk berkaitan, terutamanya kepada golongan belia. Industri secara konsisten cuba mencari cara untuk menjadikan produk ini menarik, menambah perisa dan agen lain yang mengubah bau, rasa atau penampilannya. Bahan tambahan ini direka untuk menutupi kekerasan tembakau, dengan itu meningkatkan kelazatannya, terutamanya di kalangan orang muda.

### Hari Tanpa Tembakau Sedunia

Hari Tanpa Tembakau Sedunia diadakan pada 31 Mei setiap tahun, dan merupakan inisiatif yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk meningkatkan kesedaran global tentang bahaya penggunaan tembakau dan menggalakkan orang ramai agar berhenti merokok atau tidak memulakan tabiat itu.

Tujuan utama Hari Tanpa Tembakau ialah untuk mendedahkan bahaya tembakau, termasuk kesan kepada kesihatan, alam sekitar, dan ekonomi, di samping untuk menggalakkan dasar kawalan tembakau seperti kawasan larangan merokok, cukai tembakau, dan larangan iklan.

Ia juga bertujuan untuk menyokong usaha berhenti merokok iaitu dengan memberikan maklumat dan dorongan kepada individu yang ingin berhenti, serta melindungi generasi muda dengan menghalang promosi produk tembakau kepada golongan remaja.

### Tema

Pada tahun ini, tema Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2025 ialah 'Unmasking the Appeal : Exposing Industry Tactics on Tobacco and Nicotine Products'. Tema ini mendedahkan strategi manipulatif industri tembakau dan nikotin dalam menarik minat, terutama dalam kalangan remaja, melalui reka bentuk produk yang menarik, perisa menggoda, dan pemasaran yang glamor.

Antara taktik yang digunakan secara strategik ialah reka bentuk, warna yang menarik dan rasa yang memikat bagi menarik demografi yang lebih muda, termasuk melalui saluran media digital. Reka bentuk juga ada yang mengelirukan, di mana sesetengah produk meniru gula-gula, dan watak kartun iaitu barangan kanak-kanak yang kelihatan menarik. Taktik-taktik ini boleh menyumbang kepada permulaan awal merokok atau penggunaan nikotin, dengan potensi ketagihan sepanjang hayat dan akibat kesihatan. Dengan menjadikan produk ini lebih menarik, industri bukan sahaja meningkatkan pengguna segera mereka tetapi juga menjadikan lebih sukar untuk berhenti, memanjangkan pendedahan kepada bahan berbahaya.

### Objektif

Adapun objektif kempen pada tahun ini ialah untuk meningkatkan kesedaran iaitu dengan maklumkan kepada orang ramai tentang cara taktik industri memanipulasi penampilan dan daya tarikan produk tembakau dan nikotin. Selain itu, untuk menyokong perubahan dasar termasuk langkah-langkah untuk mengharamkan perisa dan bahan tambahan yang menjadikan produk ini lebih menarik; pengharaman sepenuhnya terhadap pengiklanan, promosi dan penajaan tembakau, termasuk pada platform digital; dan peraturan reka bentuk produk dan pakejnya untuk menjadikannya kurang menarik.

Mendedahkan taktik ini bertujuan untuk mengurangkan permintaan, terutamanya dalam kalangan belia, akhirnya mengurangkan pendedahan mereka kepada nikotin dan produk tembakau. Dengan mendedahkan strategi ini, kempen tersebut akan memberi penerangan tentang cara industri memasarkan ketagihan, memacu usaha pengurangan permintaan dan menyokong kesihatan awam jangka panjang.

### NBD bebas tembakau

Setiap individu mempunyai peranan dan tanggungjawab mereka sendiri dalam memerangi tembakau, dan bekerja bersama-sama, bagi mewujudkan Negara Brunei Darussalam (NBD) bebas tembakau, nikotin dan rokok. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok (KBM) di Pusat-pusat Kesihatan di setiap daerah bagi memberikan khidmat kaunseling kepada mereka yang memerlukannya.

KBM bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran klien atau ahli keluarga mereka tentang bahaya dan kesan merokok ke atas kesihatan dan kualiti hidup mereka, di samping untuk menyokong dan membantu mereka dalam perubahan tingkah laku ke arah gaya hidup yang lebih sihat.

Antara peranan KBM ialah memberi kaunseling (kumpulan atau individu) kepada klien; mengenal pasti farmakoterapi yang sesuai untuk pelanggan, apabila perlu, mengikut garis panduan; memberi ceramah kesihatan tentang merokok, kesannya dan cara untuk berhenti; menyediakan laporan tahunan untuk klinik sesi merokok; menggalakkan untuk melakukan audit terhadap kualiti dan prestasi perkhidmatan; dan menggalakkan membuat kajian atau tinjauan yang berkaitan perkhidmatan dan kawalan tembakau.

### Penutup

Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak adalah diperlukan dalam sama-sama memperkasa generasi muda di negara ini untuk berganding bahu bagi menentang industri tembakau daripada terpedaya dengan tipu helah mereka. Marilah kita sama-sama berusaha menjadikan NBD sebagai sebuah negara bebas tembakau, dan bersama-sama menyokong Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2025 bagi melindungi generasi masa depan daripada bahaya tembakau dan nikotin.

BERITA GLOBAL

# ANCAMAN DIGITAL KINI ANTARA KEBIMBANGAN UTAMA KESELAMATAN NEGARA INDONESIA

**JAKARTA**, 1 Jun. - Ruang siber kini menjadi domain kritikal dalam pertahanan negara Indonesia dan kerjasama lebih kukuh diperlukan bagi melindungi kedaulatan digital negara, kata Menteri Komunikasi dan Digital, Meutya Hafid.

Beliau berkata ancaman terhadap kedaulatan negara semakin banyak berpunca daripada domain digital, bukan sekadar melalui darat, laut atau udara, selaras dengan peningkatan serangan siber dan penyebaran maklumat palsu dalam talian.

"Ruang siber adalah nadi pertahanan moden kita. Melindunginya bermakna kita menjamin masa depan negara," semasa menyampaikan syarahan umum di Institut Ketahanan Nasional (Lemhannas), menurut kenyataan kementeriannya.

Antara insiden berprofil tinggi yang dibangkitkan Meutya ialah serangan perisian tebusan ke atas Bank Syariah Indonesia pada Jun 2024 oleh kumpulan LockBit 3.0, yang menuntut bayaran sebanyak US$20 juta dan menjejaskan perkhidmatan kepada 15 juta pelanggan.

Beliau turut memberi amaran mengenai bahaya berita palsu dalam talian - termasuk maklumat salah, maklumat yang dimanipulasi, dan maklumat yang disalahgunakan - yang menurutnya boleh menggugat perpaduan negara, mencetuskan ketegangan politik dan melemahkan kepercayaan rakyat.

"Ini bukan sekadar gangguan digital; ia mampu mengancam asas ideologi dan sosial masyarakat kita," katanya.

Beliau menekankan bahawa pelaburan dalam infrastruktur keselamatan digital adalah keperluan mendesak.

Bagi menangani cabaran itu, kementerian memperkenalkan beberapa peraturan utama termasuk Peraturan Pemerintah No. 17 Tahun 2025 mengenai Tadbir Urus Sistem Elektronik untuk Perlindungan Anak, Undang-Undang No. 1 Tahun 2024 yang menyemak semula Undang-Undang Informasi dan Transaksi Elektronik, serta Peraturan Presiden No. 47 Tahun 2023 mengenai Strategi Keamanan Siber Nasional.

Namun, Meutya menegaskan bahawa peraturan semata-mata tidak mencukupi dan menyeru para pemimpin dalam perkhidmatan awam, ketenteraan dan polis agar menerajui usaha literasi digital di semua institusi kerajaan.

Indonesia dilaporkan mencatat peningkatan ketara dalam ancaman siber sejak beberapa tahun kebelakangan ini, seiring dengan transformasi digital yang pesat. - ©BERNAMA

# SRCA sedia hadapi musim Haji 1446H dengan lebih 14.5 juta bekalan perubatan

**JEDDAH**, 31 Mei. - Sebagai sebahagian daripada persiapan menghadapi musim Haji 1446 Hijrah, Pihak Berkuasa Bulan Sabit Merah Arab Saudi (SRCA) menyiapkan lebih 7,500 kotak bekalan dan ubat-ubatan yang mengandungi lebih dua juta alatan perubatan bagi melengkapi ambulans, kenderaan operasi dan beg perubatan.

Menurut Agensi Berita Saudi (SPA), bagi mempertingkat keupayaan tindak balas kecemasan di lapangan, SRCA turut menempatkan tiga kenderaan bekalan perubatan bergerak yang membawa lebih 30,000 barangan perubatan di kawasan Masjidilharam.

Lebih 200,000 barangan perubatan diedarkan di lokasi simpanan strategik di Mina dan Muzdalifah, menjadikan jumlah keseluruhan simpanan perubatan SRCA bagi musim haji tahun ini melebihi 12.5 juta item dan ubat-ubatan, ditempatkan di tiga lokasi utama sekitar Mekah.

Setiap kotak bekalan perubatan itu mampu memberikan rawatan kecemasan kepada 20 hingga 30 kes biasa serta 15 hingga 20 kes akut dan kritikal.

Selain itu, ambulans yang digunakan turut dilengkapi peralatan penting seperti alat *defibrillator*, silinder oksigen, monitor tanda vital, alat sedutan dan lain-lain. - ©BERNAMA

# Myanmar pelawa pelabur asing bantu bangunkan semula negara selepas dilanda gempa bumi

**PHNOM PENH**, 31 Mei. - Myanmar menjemput pelabur asing untuk menyertai usaha pembinaan semula negara itu, dua bulan selepas gempa bumi dahsyat memusnahkan infrastruktur utama dan menyebabkan ribuan penduduk kehilangan tempat tinggal.

Gempa bumi bermagnitud 7.7 yang melanda negara Asia Tenggara itu pada 28 Mac lepas telah merosakkan jalan raya, jambatan, sekolah, biara, kawasan pertanian dan kilang.

Pengerusi Majlis Pentadbiran Negara Myanmar, Jeneral Kanan Min Aung Hlaing mengumumkan pelan strategik untuk menyalurkan lebih banyak bantuan kemanusiaan kepada mangsa terjejas serta memulihkan semula ekonomi negara yang terjejas teruk.

"Pembinaan semula bukan sekadar membaiki bangunan rosak dan berusaha untuk memulihkan ekonomi, tetapi juga membina negara yang lebih selamat dan terjamin pada masa depan.

"Kami mengharapkan sokongan rakan serantau dan antarabangsa, dan kami turut mempelawa mereka untuk melabur dalam visi baharu Myanmar," kata Min Aung Hlaing, menurut laporan media rasmi The Global New Light of Myanmar.

Beliau berkata demikian pada Forum 'Membina Semula Myanmar: Pemulihan Ekonomi Pasca-Gempa Bumi' di Nay Pyi Taw pada Jumaat.

Seramai 3,700 orang dilaporkan terkorban manakala 5,104 yang lain cedera akibat bencana itu.

"Gempa bumi dahsyat ini memberi kesan langsung kepada kira-kira 600,000 orang, dengan ribuan lagi terpaksa berpindah dari tempat tinggal mereka," katanya.

Kerajaan telah merangka tiga strategi pembangunan – memperluas bantuan kemanusiaan dan perlindungan sosial, pembinaan semula infrastruktur, serta menghidupkan semula ekonomi negara.

Lima sektor utama diberi tumpuan bagi mempercepat pemulihan ekonomi – tenaga, pertanian, pengangkutan, telekomunikasi dan infrastruktur awam.

"Kita berkumpul hari ini bukan untuk menunjukkan murung hiba kami selepas kehilangan besar yang dialami, tetapi untuk mencari jalan keluar dan hidup seperti burung *phoenix* yang bangkit semula daripada abu.

"Forum hari ini bukan sekadar untuk bersidang, tetapi untuk merangka asas ke arah pelan hala tuju," kata Min Aung Hlaing seperti dipetik media rasmi.

Bank Dunia menganggarkan pada April lepas bahawa kerosakan akibat gempa bumi itu boleh mencecah RM42 bilion (AS$10 bilion), dan kos pembinaan semula dijangka mencecah dua kali ganda jumlah itu.

Sebanyak 21 negara telah menghantar lebih tiga juta tan metrik bekalan bantuan dan kira-kira 1,000 petugas bantuan serta kakitangan perubatan, termasuk 287 doktor, ke kawasan terjejas, menurut laporan media rasmi. - ©BERNAMA

# Jepun sasar tingkatkan eksport beras susulan penurunan penggunaan domestik

**TOKYO**, 31 Mei. - Kerajaan Jepun berhasrat meneroka pasaran luar baharu dan menyediakan sokongan ke arah pengeluaran yang lebih cekap sebagai sebahagian daripada usaha meningkatkan eksport beras, susulan jangkaan penurunan penggunaan domestik dalam tempoh jangka masa panjang.

Dalam kertas putih tahunan mengenai makanan dan pertanian bagi tahun fiskal 2024 yang diluluskan Kabinet, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan mencadangkan peningkatan eksport beras, walaupun kerajaan baru-baru ini memperkenalkan langkah untuk mengawal kenaikan harga domestik yang sebahagiannya didorong oleh kekurangan bekalan.

Laporan itu mengenal pasti China, Singapura, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Taiwan sebagai pasaran sasaran eksport, menurut laporan Kyodo News.

Dengan populariti makanan Jepun yang semakin meningkat di luar negara, eksport barangan pertanian negara itu mencatat rekod sebanyak 1.51 trilion yen (AS$10.5 bilion) pada 2024, dengan sasaran mencecah 5 trilion yen menjelang 2030, menurut laporan berkenaan pada Jumaat.

Bagi mencapai sasaran itu, kerajaan berhasrat meningkatkan eksport beras yang mencatat peningkatan kepada 12.03 bilion yen pada 2024 — meningkat 27.8 peratus berbanding tahun sebelumnya — melalui jualan di restoran dan kedai Jepun.

Kerajaan menetapkan matlamat untuk melonjakkan eksport beras hampir lapan kali ganda kepada 353,000 tan pada 2030 berbanding 2024, seperti dinyatakan dalam rancangan asas pertanian jangka sederhana dan panjang yang dikeluarkan pada April.

Bagi memperkukuh produktiviti eksport beras, kerajaan bercadang meningkatkan keluasan ladang diurus oleh petani berorientasikan eksport yang memiliki kawasan minimum 15 hektar atau lebih.

Ia turut menyasarkan pengurangan kos pengeluaran semasa sebanyak 16,000 yen bagi setiap 60 kilogram kepada sekitar 9,500 yen bagi tujuan eksport, membolehkan pengeluar domestik bersaing dengan beras yang ditanam di luar negara, menurut rancangan itu.

Kertas putih itu, yang buat julung kalinya merangkumi bab khusus mengenai eksport pertanian, menyatakan: "Adalah penting untuk beralih kepada menjana pendapatan melalui pasaran luar negara yang sedang berkembang, memandangkan penggunaan domestik dijangka menurun akibat penyusutan populasi". - ©BERNAMA

# Ahli perniagaan Namibia maut diserang singa ketika sertai aktiviti safari

**LUSAKA (Zambia)**, 1 Jun. - Bernd Kebbel, seorang ahli perniagaan Namibia dan dermawan terkenal yang menyokong pemuliharaan hidupan liar maut diserang singa betina ketika menyertai aktiviti safari, menurut Kementerian Pelancongan negara itu dan polis pada Sabtu.

Menurut Anadolu Ajansi (AA), Kebbel, 59, sedang berkhemah bersama isterinya, Conny, 57, dan rakan-rakan berhampiran Kem Hoanib Skeleton Coast di kawasan Sesfontein, Wilayah Kunene, kira-kira 700 kilometer di utara ibu negara, Windhoek.

Ketika isterinya sedang tidur dalam khemah di atas bumbung kenderaan mereka, Kebbel dikatakan keluar untuk membuang air kecil sebelum diserang seekor singa betina, menurut laporan awal pegawai Kementerian Pelancongan dan pihak polis di lokasi kejadian.

"Kami mengesahkan bahawa Kebbel maut dalam insiden itu," kata jurucakap Kementerian Alam Sekitar, Perhutanan dan Pelancongan, Ndeshipanda Hamunyela kepada media tempatan.

Dalam kenyataan berasingan, jurucakap polis Namibia, Immanuel Iiduwa, berkata satu kertas siasatan berkaitan konflik antara manusia dan hidupan liar telah dibuka susulan kejadian itu.

"Terdapat usaha berani daripada rakan-rakannya yang berjaya menghalau haiwan itu, namun segalanya sudah terlambat untuk menyelamatkannya daripada kecederaan parah di leher," katanya.

Kebbel turut dikenali dalam kalangan penggiat pemuliharaan singa padang pasir.

Menurut beberapa laporan media, insiden itu menimbulkan persoalan mengenai interaksi antara manusia dan haiwan liar di kawasan terpencil Namibia, khususnya melibatkan spesies singa yang diadaptasi dengan habitat padang pasir dan kini diancam kepupusan. - ©BERNAMA

# Presiden Perancis Macron seru pakatan Eropah-Asia tangani cabaran keselamatan global

**ISTANBUL**, 31 Mei. - Presiden Perancis, Emmanuel Macron pada Jumaat menggesa kerjasama lebih erat antara Eropah dan Asia bagi menangani cabaran keselamatan global yang semakin meningkat serta mempertahankan norma antarabangsa, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Ketika berucap pada Dialog Shangri-La di Singapura, sebuah forum tahunan mengenai pertahanan dan keselamatan, Macron menggesa komuniti antarabangsa bersatu dalam menentang tekanan daripada negara-negara yang berusaha menguasai wilayah dan sumber.

"Kita berdepan cabaran daripada negara revisionis yang mahu mengenakan, atas nama pengaruh, satu bentuk paksaan.

"Negara yang mahu menguasai kawasan dari pinggir Eropah hingga ke kepulauan di Laut China Selatan... yang ingin merampas sumber seperti perikanan dan mineral, serta menyingkirkan pihak lain demi kepentingan mereka.

"Saya ingin jelaskan, Perancis adalah rakan dan sekutu Amerika Syarikat, dan kami turut bekerjasama serta berkawan dengan China, meskipun kadangkala kami bersaing dan tidak sependapat," kata Macron.

Beliau menegaskan bahawa Asia dan Eropah mempunyai kepentingan bersama untuk mengelakkan kemerosotan sistem global.

"Zaman berkecuali sudah pun berlalu. Kini tiba masanya untuk membentuk perikatan bertindak, dan ini memerlukan negara-negara yang mampu bekerjasama menyediakan segala keupayaan untuk berbuat demikian," katanya.

Lawatan Macron ke Asia Tenggara diadakan ketika Perancis dan Kesatuan Eropah berusaha memperkukuh hubungan perdagangan dan diplomatik di rantau ini, dalam usaha mengimbangi ketidaktentuan dasar perdagangan Amerika Syarikat di bawah Presiden Donald Trump, termasuk ancaman tarif baharu.

Mengenai Timur Tengah, Macron menekankan kepentingan menangani krisis kemanusiaan di Gaza, sambil memberi amaran bahawa kegagalan berbuat demikian akan menjejaskan kredibiliti antarabangsa.

"Jika kita abaikan Gaza, kita seolah-olah beri laluan percuma kepada Israel, walaupun kita mengutuk serangan pengganas, maka kita akan kehilangan kredibiliti," katanya. - ©BERNAMA

# WALKATON PEWAJA ERATKAN IKATAN KEKELUARGAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Wanita Kampung Junjongan

**JUNJONGAN**, Ahad, 1 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga, Persatuan Wanita Kampung Junjongan (PEWAJA) pagi tadi menganjurkan satu acara walkaton yang berlangsung dengan meriah dan penuh semangat muhibah. Acara yang julung kali diadakan ini telah disertai oleh 65 orang peserta yang terdiri daripada ahli dan keluarga PEWAJA, muslimah Masjid As-Salaam, para beliawanis, warga emas dan penduduk Kampung Junjongan kalangan wanita sahaja.

Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai sebagai pembuka tirai, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi PEWAJA, Dayang Zainab binti Haji Braim. Beliau menekankan pentingnya gaya hidup sihat serta usaha untuk mempererat hubungan silaturahim dalam kalangan komuniti setempat.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi senamrobik yang dikendalikan oleh para beliawanis kampung. Acara kemuncak iaitu walkaton sejauh 2 kilometer, disambut dengan semangat oleh para peserta yang berjalan menyusuri laluan kampung sambil beramah mesra sesama mereka.

Acara turut diserikan dengan kehadiran isteri kepada Ketua Kampung Junjongan, Dayang Hajah Eta Noorleeta binti Abdullah yang memberikan sokongan penuh terhadap inisiatif murni berkenaan.





**WALKATON Persatuan Wanita Kampung Junjongan disertai oleh ahli dan keluarga PEWAJA, muslimah Masjid As-Salaam, para beliawanis, warga emas dan penduduk wanita Kampung Junjongan (kanan dan bawah kiri).**

Walkaton tersebut bukan sahaja bertujuan untuk menggalakkan penduduk kampung mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat, tetapi juga sebagai wadah untuk merapatkan hubungan kekeluargaan serta memperkukuhkan jalinan ukhuwah antara generasi muda dan warga emas.

Melalui penganjuran aktiviti seperti ini, PEWAJA membuktikan bahawa komuniti setempat mampu berganding bahu dalam membina masyarakat yang sihat dan bersatu padu. Semangat kekeluargaan dan kerjasama yang ditunjukkan dalam acara tersebut diharap dapat diteruskan dan dijadikan tradisi tahunan yang memberi manfaat kepada seluruh penduduk Kampung Junjongan.

# 'Lepak at Rumah Semaun' meriahkan sambutan Hari Keluarga

Siaran Akhbar dan Foto :
Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Jun. – Bagi memeriahkan sambutan Hari Keluarga, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (PPKKI-YSHHB) mengungkayahkan 'Lepak at Rumah Semaun' di Rumah Semaun, Jalan Jerambak pada hari ini. Pelbagai aktiviti menarik disediakan bertujuan memupuk semangat kekeluargaan, kreativiti dan keusahawanan.

Sepanjang acara berlangsung, pelbagai aktiviti dijalankan termasuk pertandingan khat dan mewarna, pertandingan futsal, aktiviti memanah, jualan but kereta (*car boot sale*), dan gerai makanan yang mendapat sambutan hangat daripada para peserta dan pengunjung.

Pertandingan mewarna yang diadakan bagi kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun dan pertandingan khat untuk remaja 10 hingga 15 tahun di Dewan Ma'rifah, PPKKI-YSHHB, menarik minat ramai secara tidak langsung menyediakan ruang kreativiti dan mengetengahkan bakat mereka. Kemasukan yang percuma turut membolehkan semua lapisan masyarakat mengambil bahagian.

Acara turut diserikan dengan penyertaan pelbagai vendor tempatan yang menawarkan produk makanan dan minuman popular seperti Macbabs, KipTan Chindul, Chicken Wings, Sellanything, Sehari Sematcha, Deeva's Kitchen, Lepa Krew, Z's Kitchen, Nuro Brew, Brunei Shawarma Wrapped dan lain-lain.

Kehadiran vendor-vendor berkenaan bukan sahaja menceriakan suasana tetapi juga membuka peluang kepada usahawan tempatan untuk mempromosikan produk mereka kepada khalayak yang lebih luas.

Untuk maklumat lanjut mengenai program dan aktiviti akan datang yang dianjurkan oleh PPKKI-YSHHB, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi di *ppkki.yshhb.org.bn* atau mengikuti media sosial rasmi di Instagram *@ppkki.yshhb*.






**PELBAGAI aktiviti serta jualan dijalankan semasa berlangsungnya 'Lepak at Rumah Semaun' yang diadakan di Rumah Semaun, Jalan Jerambak (kiri dan atas kanan).**



# LIGA BOLA JARING KEBANGSAAN BRUNEI 2025 BUKA TIRAI

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**




**BERAKAS**, Sabtu, 31 Mei. - Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 anjuran Brunei Netball Association (BNA) telah pun bermula secara rasmi menerusi satu majlis pembukaan ringkas yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB), Datin Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim. Turut hadir, Presiden BNA, Leftenan Kolonel (B) Hajah Wan Shahlimar binti Haji Suhaili bersama tetamu jemputan dan wakil-wakil pasukan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, yang dipimpin oleh Awang Mohammad Asmawi, wakil dari BNA sebagai tanda memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala ke atas kesejahteraan raja kita.



**HADIR di majlis pembukaan tersebut selaku tetamu kehormat ialah Pengarah Urusan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei dan Presiden Brunei Netball Association (atas kiri), manakala gambar atas, perlawanan antara pasukan Hokage Warriors dan Falcons.**

Sebanyak lima pasukan tempatan menyertai edisi liga tahun ini, iaitu Hokage Warriors, Thundernets, Roses, Falcons dan Hydra. Liga ini menjadi platform penting dalam memperkasa kemahiran atlet serta membina kerjasama berpasukan.

Di samping itu, ia menjadi sebahagian daripada persiapan menuju Sukan SEA 2025 yang dijadualkan akan berlangsung di Bangkok, Thailand pada Disember nanti.

# Pasukan Hokage Warriors tewaskan Falcons




**HOKAGE Warriors mencatat kemenangan pertama dalam Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei 2025 apabila menewaskan pasukan Falcons dengan kedudukan 52-50, persaingan sengit yang menunjukkan semangat kesukanan optimum.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BERAKAS,** Sabtu, 31 Mei. - Pasukan Hokage Warriors berjaya menewaskan Falcons dalam satu perlawanan sengit dengan mencatat kemenangan tipis 52–50 pada perlawanan pembukaan Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 anjuran Brunei Netball Association (BNA) bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, petang tadi.

Pada suku pertama, memperlihatkan daya saing tinggi serta semangat kesukanan yang membanggakan apabila kedua-dua pasukan menyamakan kedudukan dengan 15-15.

Manakala pada suku kedua pula menyaksikan Hokage Warriors mendahului dengan 13 – 12, 13 – 14 pada set ketiga dan 11 – 10 pada set terakhir.

Perlawanan seterusnya akan berlangsung pada Ahad, 1 Jun 2025 yang akan menyaksikan pertemuan di antara Thundernets dan Roses pada pukul 10.00 pagi. Sementara pada sebelah petang, akan menyaksikan pertemuan di antara Hydra dan Young Bees pada pukul 2.00 petang bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sebanyak lima pasukan tempatan menyertai edisi liga tahun ini, iaitu Hokage Warriors, Thundernets, Roses, Falcons dan Hydra. Liga ini menjadi platform penting dalam memperkasa kemahiran atlet serta membina kerjasama berpasukan, di samping menjadi sebahagian daripada persiapan menuju Sukan SEA 2025 yang akan dijadualkan berlangsung di Bangkok, Thailand pada bulan Disember nanti.

# 50 berentap rebut juara Kejohanan Pingpong Kebangsaan 2025



**KEJOHANAN Pingpong Kebangsaan 2025 yang diadakan di Kompleks Sukan Tutong, mempertandingkan lebih 10 kategori.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**TUTONG**, Ahad, 1 Jun. - Kejohanan Pingpong Kebangsaan 2025 diteruskan lagi pada hari ini yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Kejohanan yang diadakan selama tiga hari bermula Jumaat lalu mempertandingkan lebih 10 kategori.

Antara kategori yang dipertandingkan iaitu Veteran Lelaki Perseorangan 60 Tahun ke atas; Veteran Lelaki Perseorangan 50 Tahun ke atas; Veteran Perseorangan Lelaki 40 Tahun ke atas; Perseorangan Lelaki; Perseorangan Wanita; Beregu Lelaki; Lelaki Bawah Umur 19; Perempuan Bawah Umur 19; Lelaki Bawah Umur 15; dan Perempuan Bawah Umur 15. Lebih 50 peserta menyertai kejohanan anjuran Persatuan Pingpong Brunei Darussalam.

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# HYDRA MENYERLAH, KALAHKAN YOUNG BEES 28 - 26




**SEKITAR aksi perlawanan antara pasukan Hydra bertemu dengan Young Bees pada pusingan pertama Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Ahad, 1 Jun. - Pasukan Hydra berjaya menumpaskan pasukan Young Bees dengan jaringan 28 - 26 pada pusingan pertama Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025.

Perlawanan anjuran Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA) itu berlangsung pada sebelah petang di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Pasukan Hydra menang tipis ke atas Young Bees dengan mengumpul jaringan berkenaan dalam empat set, 7 - 6, 7 - 7, 8 - 4 dan 6 - 9.

Perlawanan pusingan kedua kejohanan berkenaan akan menyaksikan Young Bees bertemu Thundernets pada Jumaat, 6 Jun 2025 jam 7.00 malam.

Manakala, pada Ahad, 8 Jun 2025, Hydra akan menentang Falcons, jam 10.00 pagi; Young Bees bertemu Roses, jam 2.00 petang dan Thundernets akan berhadapan dengan Hokage Warriors pada jam 4.00 petang.

# Roses pamer aksi cemerlang

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**KEDUA-dua pasukan Roses dan Thundernets membawa strategi permainan yang mencabar kemahiran setiap pemain, mempamerkan satu perlawanan dengan momen-momen mendebarkan, yang disambut dengan sorakan gemuruh pada setiap jaringan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Jun. – Pasukan Roses berjaya menundukkan Thundernets dengan jaringan 41 – 40 pada Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Suku masa pertama menyaksikan Thundernets mendahului permainan, dengan 11 jaringan berbalas 7.

Thundernets sekali lagi mendahului permainan dengan mata 12 berbalas 10 pada suku masa kedua.

Namun Roses bangkit sehingga berjaya menambah 12 jaringan berbalas 8 pada suku masa ketiga.

Roses tetap tidak memberi peluang sekali gus menyukarkan Thundernets dengan berjaya menambah 12 jaringan berbalas 9 pada suku akhir yang menjadikan mata 41 bagi Roses dan 40 untuk Thundernets.

Dengan corak permainan pantas dan pertahanan kukuh, pertembungan dua pasukan tersebut sangat mencuri tumpuan dengan setiap jaringan disambut sorakan gemuruh daripada para penyokong masing-masing.



HINDARI DIRI DARIPADA KETAGIHAN TEMBAKAU DAN NIKOTIN, JAGA KESIHATAN SERTA JIMAT WANG